

Berita KUKUM

KUKUM Bukan Swasta, Bukan Kelas Kedua

Kekeliruan berhubungan status Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) yang sering disalah anggap sebagai Institut Pengajian Tinggi Swasta oleh sesetengah pihak telah diperjelas dengan mendalam oleh Lt. Kol Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM kepada ibu bapa dan waris pelajar-pelajar baru Sidang Akademik 2005/2006 di satu sesi taklimat yang diadakan di Dewan Kolej Kediaman Pelajar KUKUM di Kuala Perlis pada 3 Julai 2005 lalu.



Sesi taklimat tersebut turut dihadiri oleh DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Pemangku Raja Perlis yang juga Canselor KUKUM, Pegawai-pegawai Utama KUKUM, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan KUKUM bersama dengan lebih daripada 200 orang ibu bapa dan waris pelajar-pelajar baru.

Prof. Dato' Dr. Kamarudin berkata, KUKUM adalah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang paling bongsu di negara ini yang telah diluluskan penubuhannya pada 25 Julai 2001 lalu oleh Kabinet. KUKUM katanya adalah setaraf dengan mana-mana universiti awam yang terdapat di negara ini kerana pengambilan dan kemasukan pelajar adalah sama seperti universiti lain iaitu melalui Unit Pusat Universiti (UPU).

Beliau juga menegaskan penggunaan istilah Kolej Universiti yang sering menimbulkan kekeliruan adalah disebabkan oleh masyarakat awam tidak memahami misi serta visi di sebalik penubuhan Kolej Universiti itu sendiri. Istilah Kolej Universiti yang digunakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) adalah bagi menunjukkan universiti tersebut hanya memfokuskan kepada satu bidang pengajian sahaja.

Selain daripada itu sistem pembelajaran yang dijalankan di Kolej Universiti ini juga adalah berbeza dengan universiti awam yang lain. Sistem pembelajaran yang diamalkan di Kolej Universiti seperti di KUKUM katanya melaksanakan sistem pembelajaran melalui pendekatan secara 'lab intensive' atau praktikal. Sistem tersebut diyakini mampu menghasilkan jurutera yang berkebolehan dalam merekabentuk, membuat peralatan, menguji dan menyelenggara serta mengaplikasi sebarang konsep teori.

"Kualiti graduan KUKUM yang akan dihasilkan kelak sudah pasti berkualiti kerana mereka telah dibiasakan sejak tahun pertama pengajian lagi dengan segala peralatan seperti mana yang terdapat di industri. Keunikan sistem pembelajaran yang ada di KUKUM ini bukan sahaja mampu menghasilkan kualiti graduan yang tinggi malah memenuhi keperluan serta pasaran gunatenaga pekerja berkemahiran tinggi di industri"

"Hasil dari maklumbalas yang diterima dari pihak industri mengenai pelajar-pelajar KUKUM yang telah menjalani latihan industri sendiri amat positif. Pihak industri secara jujur mengatakan pelajar-pelajar KUKUM amat cemerlang semasa menjalani latihan industri berbanding pelajar lain kerana apa jua bentuk tugas yang telah diberikan mampu diselesaikan dengan baik," tegas beliau.

KUKUM yang telah beroperasi sejak tahun 2002 di seluruh pelosok negeri Perlis, telah ditubuhkan bagi tujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi oleh kabinet bagi memenuhi Pelan Perindustrian Negara selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktikal. KUKUM sehingga kini mempunyai bilangan pelajar seramai lebih kurang 2119 orang pelajar iaitu tambahan sebanyak 708 orang pelajar bagi kemasukan baru universiti itu baru-baru ini.

